

Swasta digalok naik gaji jika mampu

BH - 23/5/2007

DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, terpulang kepada majikan sektor swasta menimbang sama ada memberi kenaikan gaji kepada pekerja masing-masing berikutan keputusan kerajaan menaikkan gaji kakitangan awam.

Perdana Menteri berkata, sektor swasta sebenarnya boleh mengambil langkah sama menaikkan gaji kakitangan, tetapi perkara itu terpulang kepada kedudukan kewangan serta kemampuan masing-masing.

"Saya tak mahu kata apa-apa, nanti orang kata Pak Lah ni dah beri kakitangan awam (naik gaji), arah pula swasta. Ikut kemampuan masing-masing lah," katanya dalam sidang media, di sini, semalam.


Abdullah yang juga Menteri Kewangan ditanya sama ada sektor swasta juga wajar menaikkan gaji pekerja masing-masing berikutan langkah kerajaan mengumumkan kenaikan gaji kakitangan awam kelmarin.

Sementara itu, beliau menyangkal dakwaan pembangkang kononnya langkah kerajaan mengumumkan kenaikan gaji kakitangan itu menandakan pilihan raya umum semakin hampir.

Sebaliknya, beliau sekali lagi menegaskan persetujuan menaikkan gaji kakitangan awam dibuat apabila mendapati kedudukan kewangan kerajaan mengizinkan, selain memahami kakitangan awam terbabit sudah menunggu lama untuk mendapatkan kenaikan itu.

"Apa saja kita buat, asal nampak baik sikit, depa kata pasal pilihan raya... seolah-olah kita ni hanya bekerja untuk pilihan raya, sedangkan hakikatnya kita bekerja untuk pembangunan negara.

"Jangka masa kita ambil (untuk meluluskan dan mengumumkan ke-



SUMBANGAN DIHARGAI: Abdullah dianugerah Doktor Kehormat daripada Hiromi Naya di Universiti Meiji, Tokyo, semalam.

naikan gaji kakitangan awam) itu memang panjang dan jika rakyat terus bersama kita, kita akan dapat memerintah beberapa tahun lagi untuk mencapai Wawasan 2020.

"Lepas itu, bukannya semua selesai dan kita tak mahu buat apa lagi dah. Kita mahu teruskan lagi khidmat kepada negara dan bangsa untuk menjadikan negara ini bertambah maju pada masa depan," katanya.

Beliau mengulas dakwaan beberapa pemimpin pembangkang menyifatkan pengumuman kenaikan gaji kakitangan awam dan kenaikan Elaun Bantuan Sara Hidup (Cola) sehingga 100 peratus menandakan pilihan raya umum semakin hampir.

Antara pemimpin pembangkang yang membuat dakwaan itu ialah Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang dilaporkan berkata, pengumuman kenaikan gaji kakitangan awam itu tidak mengejutkan

kerana ia memang sepatutnya sudah diberikan sejak lama dulu.

Di KUALA LUMPUR, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) mahu penanda aras mengenai gaji diwujudkan supaya nasib pekerja bawahan dibela berikutan faktor semasa menyebabkan kenaikan har-

ga barang dan sara hidup.

Presidennya, Syed Shahir Syed Mohamud, berkata kenaikan gaji penjawat awam bermula Julai ini seharusnya dinikmati semua terutama berpendapatan rendah melalui tangga gaji munasabah dan masuk akal.

"Pekerja bawahan perlu dibela supaya pendapatan yang diterima boleh menampung kos sara hidup terutama di bandar besar yang mereka memerlukan perbelanjaan tinggi.

"Sebelum ini kita memohon gaji minimum RM900, tetapi adakah cukup jika mengambil kira apa berlaku sekarang... jadi tangga gaji harus berada di atas garis kemiskinan dan mengikut peredaran masa.

"Dianggarkan enam juta pekerja negara ini mendapat gaji kurang daripada RM1,000 sebulan dan kita berharap diwujudkan undang-undang bagi memastikan pekerja menerima gaji yang munasabah," katanya.

FAKTA NOMBOR

Pekerja negara

6 juta

Terima gaji kurang RM1,000 sebulan bagi sektor swasta

RM1,024

Pendapatan terendah sektor awam sekarang